



## **Majlis Menandatangani Nota Kerjasama KPT-MINDEF**

2 Disember 2024

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

1. Semasa di Kementerian Pendidikan Tinggi, antara perkara kritikal yang saya sering tumpu dan hujahkan, adalah betapa ekosistem dan mandat pendidikan tinggi mesti menjurus kepada sekurang-kurangnya 3 perkara asas.
2. Pertama, mengesan, melatih dan melahirkan bakat terbaik bangsa.
3. Kedua, membudayakan kajian dan penyelidikan yang bermanfaat untuk negara sekali gus meninggikan tradisi ilmu.
4. Dan ketiga, memindahkan kebijaksanaan, ilmu, kepakaran dan pengalaman yang ada di menara gading untuk diterjemahkan ke dalam kehidupan harian masyarakat.
5. Maka, bertitik tolak dari perkara asas inilah, kita berkumpul pada hari ini, bagi menjayakan inisiatif bersama antara KPT dan MINDEF.
6. Saya sangat yakin dan percaya, bahawa terlalu banyak ilmu, kepakaran dan pengalaman yang terkumpul di dalam ekosistem pendidikan tinggi, yang boleh untuk divedok dan dibawa ke dalam masyarakat.
7. Dan warga Kementerian Pertahanan dan ATM, adalah sebahagian daripada masyarakat.
8. Kita sangat memerlukan pelbagai inisiatif yang boleh melonjakkan kualiti dan kesejahteraan hidup.

9. Atau inisiatif-inisiatif yang berupaya menambahbaik keadaan semasa dan menyelesaikan masalah atau kesulitan yang dihadapi dalam rutin harian.
10. Dari mana lagi hendak kita rujuk dan ambil segala ilmu dan pengalaman tersebut, jika bukan dari ekosistem pendidikan tinggi kita?

Hadirin dan hadirat,

11. Seperti yang sering saya tekankan, sememangnya menjadi fokus dan agenda besar kita di Kementerian Pertahanan, untuk memastikan setiap warga kementerian ini mempunyai kualiti dan kesejahteraan hidup yang baik.
12. Yang kita tumpukan, bukan sahaja aspek tempat tinggal mahu pun kemudahan yang lengkap dan selesa. Atau bantuan-bantuan perubatan dan sokongan pendidikan anak-anak anggota.
13. Tetapi juga, persekitaran dan lingkungan hidup yang selamat, menyeronokkan, merapatkan ikatan silaturahim sesama anggota dan warga pertahanan.
14. Malah usaha dan inisiatif yang membuka ruang dan peluang untuk meningkatkan pendapatan dan ekonomi keluarga.
15. Bertitik tolak dari agenda besar inilah, saya dan pihak Kementerian bergerak secara proaktif mencari segenap peluang untuk dimanfaatkan.
16. **Dan hari ini, kita akan memulakan sekurang-kurangnya 3 bentuk inisiatif baharu melalui kerjasama bersama KPT.**
17. **Pertama, WBL atau work-based learning.**
18. Ini merupakan satu usaha untuk memastikan pengiktirafan bakat, ilmu dan pengalaman anggota dalam perkhidmatan dilakukan secara formal dan berstruktur.
19. Untuk tahun hadapan, alhamdulillah, Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM3 juta bagi tujuan ini. Dan setakat ini, hasil perbincangan dengan UiTM, UTHM dan UPNM, kita sudah mengenal pasti 10 program

diploma untuk ditawarkan kepada anggota-anggota kita yang sedang dalam perkhidmatan.

20. Jadi, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada KPT, khususnya kepada pihak UiTM, UTHM, UPNM dan MQA atas kerjasama ini.
21. **Kedua, Program Komuniti Tertumpu : Pendidikan dan Latihan Bagi Pembangunan BAKAT Suri Rumah, Anak-anak dan Keluarga ATM**
22. Program Komuniti Tertumpu ini adalah satu bentuk Projek Inovasi Sosial dalam kem-kem angkatan tentera.
23. Di bawah program ini, kita akan meneroka cara dan peluang mewujudkan program yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi warga kem-kem tentera.
24. Dan ia akan dijalankan menerusi pemindahan ilmu atau **Knowledge Transfer Programme** daripada IPT.
25. Ini bermakna, IPT-IPT yang terlibat, akan masuk ke kem-kem tentera, dan melihat, apakah ruang, peluang serta potensi yang ada.
26. Hasil perbincangan mereka dengan BAKAT, satu projek komuniti dan ekonomi akan diusahakan secara bersama.
27. Di bawah usaha sama ini, suri rumah dan anak-anak keluarga ATM di kem-kem tentera akan menikmati manfaat hasil **kolaborasi Yayasan LTAT dengan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)**.
28. Pelaksanaan program ini mensasarkan penglibatan sejumlah 500 hingga 1000 peserta dari kalangan anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan ahli BAKAT.
29. Ia akan dijalankan secara berperingkat, dimulai dengan fasa rintis di kem-kem di negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
30. Di bawah program yang akan diselaraskan oleh Yayasan LTAT ini, **sasaran kita adalah memberi peluang dan pendedahan kemahiran serta membantu usaha menjana pendapatan** secara tersusun kepada isteri dan anak-anak warga ATM.

31. Jika sebelum ini, saya pernah menawarkan Kota Tinggi sebagai 'the living lab' kepada ekosistem pendidikan tinggi dan IPT, agar penyelidik, pelajar dan para pensyarah dapat turun dan membuat kajian serta program pemindahan ilmu yang bersifat transformatif.
32. Maka hari ini, saya menawarkan pula, semua kem tentera di seluruh Malaysia, untuk dijadikan '*the living lab*' oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.
33. Datanglah dan lihatlah apa yang boleh dilakukan untuk menjadikan kehidupan warga kem dan mereka yang berada dalam ekosistem pertahanan menjadi lebih baik.
34. Insya-Allah kehadiran para penyelidikan dan mereka yang ingin berkongsi ilmu, akan kami alu-alukan dengan penuh mesra.
35. **Ketiga, Program Kolaborasi Industri : *Industry Collaboration Program (ICP)*.**
36. Seperti yang saya sebutkan tadi. Salah satu fungsi besar ekosistem pendidikan tinggi adalah menjalankan penyelidikan.
37. Di bawah ekosistem pertahanan dan ketenteraan, kita mempunyai aspek yang memerlukan penerokaan ilmu, inovasi dan teknologi.
38. Melalui usaha sama ini, saya harap pelbagai pemegang taruh di bawah kedua-dua KPT dan MINDEF akan menjalin dan meneroka banyak kerjasama penyelidikan yang bermanfaat untuk negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

39. Saya beri jaminan, bahawa kita tidak akan berhenti di sini.
40. Bukan sahaja dengan KPT, tetapi, kita akan meneroka segala peluang dan kesesuaian yang ada di luar sana, selagi semua itu memberi pulangan yang baik kepada warga pertahanan.
41. Kepada semua pihak di KPT, sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan atas kesudian untuk hadir dan bekerjasama dengan MINDEF.

## **SEMAK SEMASA PENYAMPAIAN**

42. Saya harap, Nota Kerjasama yang termeterai ini akan menjadi titik tolak penting yang membuka banyak lagi lembaran baharu antara kedua-dua kementerian.
43. Yang pasti, dalam segala kerjasama tersebut, kumpulan sasar kita, iaitu warga pertahanan, mesti menjadi penerima manfaat utama.
44. Terima kasih.